

**ISTANA BANDAR:
BANDAR TEMASHA (TEMASYA) DALAM KENANGAN**

OLEH

MOHAMAD ALI BIN ALIMIN

(Artikel 5)

Istana Bandar merupakan sebuah istana tinggalan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah iaitu sultan Selangor yang kelima. Melalui makalah ini akan memaparkan sejarah awal Kampung Bandar, penduduk awal dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kampung tersebut sebelum dan ketika pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah. Perbincangan seterusnya tentang sejarah Istana Bandar yang mencakupi kegiatan-kegiatan atau aktiviti sosial dan keagamaan oleh sultan yang pernah tinggal di kawasan tersebut untuk beberapa ketika. Terdapat juga sumbangan-sumbangan sultan sebagai ketua negeri terutama tentang kebajikan rakyat. Selain Istana Bandar, sultan juga telah membina sebuah masjid untuk aktiviti keagamaan yang masih kekal sehingga sekarang. Keperibadian sultan yang alim dan mesra kepada rakyat menjadikannya disenangi oleh rakyat jelata.

Kata kunci: Istana Bandar, Bandar Temasya, Sultan Alaeddin Sulaiman Shah